Utusan Borneo: 18 November 2026

Lelaki ugut tetak ibu dan adik dipenjara 12 bulan

MIRI: Padah mengugut hendak menetak ibu dan adik perempuannya, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas tertuduh, Injak Anggat@Rafi Muhammad Anggat, 30, dari Tudan Fasa 6 di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didapati telah melakukan ugutan jenayah dengan mengugut hendak menetak ibu dan adiknya, 23, dengan niat menakutkan kedua-dua mangsa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 5.10 petang, 10 November lalu di rumah keluarganya di Tudan Fasa 6 di sini.

Susulan kejadian itu, tertuduh telah ditangkap pada jam 12 tengah hari, 14 November lalu di rumah yang sama.

Semasa tangkapan dibuat, polis turut merampas sebilah pisau pemotong sayur berukuran 30 sentimeter panjang yang dipercayai digunakan dalam kejadian itu untuk dijadikan barang kes.

Siasatan lanjut polis mendapati kejadian berpunca daripada rasa tidak puas hati tertuduh terhadap ibunya kerana enggan memberikannya wang seperti diminta menyebabkan dia meninggikan suara terhadap mangsa.

Melihat keadaan itu, adiknya menegur perbuatan tertuduh menyebabkan dia bertambah marah lalu mengamuk sambil mengugut hendak menetak kedua-dua mangsa.